



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pensyen, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bersara paksa dan veteran tidak berpensyen sebanyak RM250.00.

PELAKSANAAN

3. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56¹ dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 18 Disember 2019 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.

4. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.

PEGAWAI YANG LAYAK

5. Tertakluk kepada perenggan 3 dan 4 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

- 5.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*²;
- 5.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 5.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 5.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 5.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

6. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 juga dipanjangkan kepada:
 - 6.1 guru interim;
 - 6.2 pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
 - 6.3 pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

7. Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah:
 - 7.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
 - 7.2 pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019;
 - 7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019;
 - 7.4 pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019;

- 7.5 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019;
- 7.6 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019; dan
- 7.7 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

9. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

PESARA

10. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen dan pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bersara paksa pada atau sebelum 18 Disember 2019 akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi veteran tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran.

11. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 tertakluk memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

12. Veteran tidak berpenen yang dilantik semula secara tetap, sementara atau *contract of service* dan masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 tertakluk memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

13. Dalam keadaan seseorang adalah seorang veteran berpenen atau tidak berpenen dan pada masa yang sama adalah pesara perkhidmatan awam bayaran terhad kepada RM250.00 sahaja.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

14. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen dan orang tanggungan³ sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

³ Orang tanggungan. Ertinya bagi pegawai berkahwin (i) balu kepada simati/ (ii) duda kepada simati/ (iii) anak kepada simati manakala bagi pegawai bujang, ibu kepada pegawai yang mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya.

TARIKH PEMBAYARAN

15. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini akan dibayar pada 18 Disember 2019.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

16. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 November 2019

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan